

# **PEMERINTAHAN SULTAN OMAR ‘ALI SAIFUDDIEN III (1950 – 1967)<sup>1</sup>**

*Dayangku Herney Zuraidah binti Pengiran Haji Rosley*

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien adalah Sultan Brunei Ke-28.<sup>2</sup> Baginda memerintah dari tahun 1950 hingga 1967. Baginda telah ditabalkan menjadi Sultan Brunei pada 6 Jun 1950 dan Istiadat Pertabalan baginda diadakan pada 31 Mei 1951. Ketika usia baginda mencapai 53 tahun, baginda dengan rela hati turun dari takhta dan memperkenankan putera sulung baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah<sup>3</sup> sebagai pengganti menerajui takhta kerajaan selepas baginda. Perkara ini amat mengejutkan seluruh rakyat Brunei tetapi baginda mempunyai sebab tersendiri atas keputusan tersebut. Alasan yang diberikan oleh baginda ialah baginda memang berhasrat untuk menyerahkan takhta baginda kepada pengganti baginda setelah baginda mencecah usia 50 tahun. Ketika diisyiharkan untuk

1 Rencana ini telah memenangi hadiah penghargaan dalam Peraduan Menulis Rencana sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-16 Tahun 2000 (Kategori B) dan telah diubah suai untuk penerbitan.

2 Juga dikenali sebagai Sultan Omar ‘Ali Saifuddien III, diputerakan di Istana Kota, Kampong Sultan Lama, Bandar Brunei pada 23 September 1914. Ditabalkan menjadi Sultan Brunei Ke-28 menggantikan Sultan Ahmad Tajuddin Akhazul Khairi Waddin yang lindung pada 4 Jun 1950.

3 Sekarang bergelar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

menjadi Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-29, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota sedang mengikuti latihan di Akademi Tentera Diraja Sandhurst, England.

Sepanjang 17 tahun pemerintahan baginda (1950 – 1967), Sultan Omar ‘Ali Saifuddien III telah banyak membawa perubahan kepada Negara Brunei Darussalam. Bagi mengenang jasa baginda membangunkan Brunei, baginda digelar Arkitek Brunei Moden, baginda juga merupakan pelopor kepada falsafah MIB yang menjadi ideologi negara sehingga sekarang.

Pada 1 Julai 1954, baginda bertanggungjawab membentuk Jabatan Hal Ehwal Ugama yang merancang segala urusan pentadbiran negara yang berkenaan dengan Perlembagaan Islam di Brunei.<sup>4</sup> Isi rancangan tersebut mengandungi aspek keislaman seperti hal-hal yang bersangkutan dengan undang-undang, pendidikan, aktiviti-aktiviti mengenai perutusan agama dan pentadbiran sosial.

Sehubungan dengan itu pada tahun 1954, dua orang pegawai agama yang berasal dari Johor telah didatangkan ke Brunei.<sup>5</sup> Mereka ialah Haji Othman bin Mohammad Said dan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.<sup>6</sup> Pada September 1956, sekolah agama sesi petang telah diadakan oleh Kerajaan Brunei. Kerajaan juga menawarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang terpilih untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri iaitu di Sekolah Arab Al-Juned di Singapura, Maktab Islam di Klang, dan Universiti Al-Azhar di Cairo, Mesir.

Sultan Omar ‘Ali Saifuddien III juga bertanggungjawab mengembang dan memperkuatkan lagi syiar agama Islam di Brunei dengan merasmikan sebuah masjid baru yang dikenali sebagai Masjid Omar ‘Ali Saifuddien pada 26 September 1958. Baginda juga bertanggungjawab dalam menjadikan Islam sebagai agama rasmi negara sebagaimana termaktub dalam *Perlembagaan Negeri Brunei 1959*. Pada Julai 1953, baginda telah melantik tujuh ahli Jawatankuasa Penasihat Perlembagaan Negeri Brunei yang dikenali sebagai Tujuh Serangkai yang bertanggungjawab dalam menubuhkan Majlis Daerah, menasihat Sultan dalam merangka perlembagaan dan menyediakan laporan

secara lebih lanjut untuk disembahkan kepada Sultan. Pada tahun 1955, Majlis Penasihat Daerah telah ditubuhkan di keempat-empat daerah.

Pada bulan Mac 1959, baginda berangkat ke London untuk mengetuai rombongan bagi membincangkan mengenai perlembagaan. Setelah itu pada 29 September 1959, Perjanjian Perlembagaan tersebut telah ditandatangani oleh Sultan Omar ‘Ali Saifuddien III dengan Sir Robert Scoot. Di bawah perlembagaan ini lima pentadbir telah dilantik iaitu Menteri Besar, Setiausaha Negara, General, Pegawai Kewangan Negara, dan Penasihat Ugama. Menteri Besar pertama Negeri Brunei ialah Dato Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jaafar.

Rancangan Kemajuan Negara lima tahun yang pertama telah dilancarkan pada tahun 1953. Pada waktu itu Pesuruhjaya Kemajuan Kebangsaan ialah E.R. Bevington. Beliau telah dilantik untuk memberikan sebarang perancangan yang baru untuk Brunei. Pada Julai 1953, Majlis Negara telah mengeluarkan belanja sebanyak \$100 juta<sup>7</sup> untuk skim ini. Antara objektif utama skim ini ialah menyediakan bekalan air secukupnya, melebar dan meluaskan jalan raya bagi tujuan perhubungan, membina jambatan-jambatan, telefon, bangunan-bangunan, dan stesen jana kuasa elektrik untuk kemudahan rakyat Brunei.

Sebanyak \$10.65 juta telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk urusan pendidikan. Dasar pendidikan ini telah diperkenalkan dalam tahun 1954. Dasar ini bertujuan untuk menetapkan tentang kelengkapan kemudahan pendidikan bukan sahaja bagi sekolah rendah bahkan sekolah menengah, latihan vokasional dan pendidikan bagi orang dewasa yang berada di Brunei. Rancangan ini mengandungi 30 buah sekolah untuk dibangunkan, makanan percuma juga akan disediakan bagi setiap sekolah mulai November 1953. Pada tahun 1957, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri telah siap dibina di Bandar Brunei sebagai sekolah Inggeris. Sekolah ini dihadkan sehingga Tingkatan 3 sahaja. Selepas mengambil Peperiksaan Sijil Menengah Bawah, pelajar ini akan dipindahkan ke Maktab Sultan Omar ‘Ali Saifuddien bagi menduduki Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Pada tahun 1966, sekolah-sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam di Bandar Brunei, Sekolah Menengah Muda Hashim di Tutong, dan Sekolah Menengah Sultan Hassan di Temburong telah siap dibina.

<sup>4</sup> Yus Sa'bariah Hj Adanan, ‘Kedatangan Awal Guru-guru Agama Johor di Brunei’, *Pusaka*, Bil.5, 1992, h.57.

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz kemudiannya digelar menjadi Pehin Dato Seri Maharaja dan seterusnya dilantik oleh Sultan Omar ‘Ali Saifuddien III menjadi Mufti Kerajaan Brunei. Yang Amat Mulia Lagi Dihormati telah berkhidmat sebagai Mufti Kerajaan Brunei selama 30 tahun dan meninggal dunia pada tahun 1993.

<sup>7</sup> *Brunei Annual Report 1953*, h.1.

Pada tahun 1962, Sultan Omar 'Ali Saifuddien melancarkan Rancangan Kemajuan Negara yang kedua sambungan dari Rancangan Kemajuan Negara yang pertama yang telah dilancarkan. Tujuan rancangan ini diadakan adalah untuk meningkatkan lagi taraf kemajuan ekonomi dan sosial di Brunei. Di antara kemajuan dalam bidang ekonomi yang nampak ialah dengan adanya tanah-tanah yang telah diserahkan bagi pengusahaan penanaman padi secara komersial untuk mengurangkan pengimportan padi dari luar negeri disamping mempertingkatkan industri pertanian negara. Rakyat juga berpeluang mempelajari cara-cara menanam kopi, pisang, gandum, kacang tanah, dan sebagainya untuk pengetahuan mereka sendiri dan juga sebagai hasil pengeluaran yang dieksport ke luar negeri.

Pada tahun 1950 hingga 1967, industri minyak Brunei semakin pesat membangun. Telaga minyak baru telah dibina pada tahun 1946. Pada tahun 1952, platform minyak pertama Brunei telah dibina di Seria. Tiga tahun kemudian, penanaman paip gas bernilai \$14 juta telah dirasmikan oleh Sultan Omar 'Ali Saifuddien III. Setahun kemudian hasil minyak di Padang Minyak Seria mencapai ke 114,700 tan sehari. Pada tahun 1957 pula, Kompeni Minyak Tanah Brunei (BSP) telah ditubuhkan. Hasil minyak mentah telah mencapai ke 39.5 juta tan dengan 705,000 tan minyak bensin (gasoline) asli yang dihasilkan daripada penanaman paip gas di Seria. Pada tahun 1963, Barat Daya Ampa telah dijumpai.

Pada 27 Mei 1961, Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaya melahirkan maksud melalui ucapan beliau untuk menyatukan Semenanjung Malaya, Singapura, dan tiga lagi kawasan Kepulauan Borneo, iaitu Sabah, Sarawak, dan Brunei sebagai Persekutuan Malaysia. Pada waktu itu Sultan Omar 'Ali Saifuddien III sangat berminat terhadap rancangan Persekutuan Malaysia itu kerana baginda melihat kebaikan bagi sebuah negara yang kecil seperti Brunei memasuki Persekutuan Malaysia. Sebelum baginda membuat pilihan muktamad, baginda memikirkan secara lebih terperinci tentang rancangan Persekutuan Malaysia kerana perkara ini boleh mempengaruhi masa depan agama, negara dan bangsa Brunei sendiri.

Pada Ogos 1961, Jawatankuasa Perbincangan Kerukunan Malaysia (MSCC) bertemu buat pertama kalinya di Jesselton (sekarang Kota Kinabalu) tetapi Brunei tidak mengambil bahagian dalam perbincangan itu. Pada Disember 1961, perbincangan kedua Jawatankuasa Perbincangan Kerukunan Malaysia (MSCC) berlangsung di Kuching, Sarawak. Pada Januari 1962, perbincangan buat kali ketiga diadakan di Kuala Lumpur sementara

perbincangan bagi kali keempat pada Jun 1963. Akan tetapi perbahan pendapat telah berlaku kerana perselisihan faham tentang cukai. Sultan Omar 'Ali Saifuddien III merasa tersinggung atas tindakan Tunku Abdul Rahman dan baginda memikirkan perbincangan itu dengan penuh teliti dan tidak membuat keputusan dengan terburu-buru. Pada Julai 1963, Perjanjian Persekutuan Malaysia telah ditandatangani di London tanpa kehadiran Brunei dan Singapura.

Pada September 1963, Kesatuan Malaysia telah dilancarkan tetapi Brunei tidak mengambil bahagian dalam persekutuan itu kerana mempunyai alasan yang tersendiri. Pertama, Brunei tidak bersetuju dengan Kerajaan Federal (Pusat) yang hanya membenarkan Brunei untuk memegang dan mendapat keuntungan daripada hasil minyaknya dalam tempoh masa 10 tahun dan selepas itu keuntungan daripada penghasilan minyak akan dimiliki oleh Kerajaan Federal (Pusat). Atas sebab itulah Sultan Omar 'Ali Saifuddien III tidak bersetuju memasukkan Brunei ke dalam Persekutuan Malaysia. Baginda juga tidak bersetuju dengan penyusunan giliran dalam perlantikan Yang Di-Pertuan Agong Malaysia yang dicadangkan oleh Ketua Persatuan yang menganggap baginda seperti seorang ahli yang berjawatan paling rendah di kalangan Yang Di-Pertuan Agong Malaysia. Rakyat Brunei juga tidak bersetuju dengan cadangan tempoh yang pendek bagi Sultan Omar 'Ali Saifuddien III menjadi Yang Di-Pertuan Agong Malaysia yang hanya cuma lima tahun sahaja.

Selain aktif dalam pentadbiran negara, Sultan Omar 'Ali Saifuddien III juga adalah merupakan seorang pemerintah yang berjiwa patriotik kerana baginda telah banyak menghasilkan syair yang berunsur perjuangan. Di antara syair baginda yang terkenal adalah *Syair Perlembagaan Negeri Brunei*, *Syair Nasihat*, *Syair Laila Hasrat*, *Syair Laila Cinta*, *Syair Laila Jenaka* dan lain-lain lagi yang menggambarkan tentang cita-cita baginda memperjuangkan kemerdekaan negara.

Setelah baginda turun dari takhta pada tahun 1967, baginda masih lagi bergiat aktif dalam memeduli hal-ehwal kehidupan rakyat, memberi nasihat dan pengajaran kepada putera sulung baginda sebagai seorang ayah dan juga ahli tatanegara. Baginda juga mengikuti beberapa perbincangan bersama dengan putera sulung baginda termasuk perundingan yang diadakan di London dalam membincangkan mengenai kemerdekaan penuh Brunei. Setelah Brunei mendapat kemerdekaan penuh pada tahun 1984, Sultan Omar 'Ali Saifuddien III turut dilantik menjadi Menteri Pertahanan Brunei yang pertama.

Sultan Omar 'Ali Saifuddien III bukan saja seorang pemerintah yang adil bahkan seorang ayah yang penyayang. Baginda telah banyak memberi tunjuk ajar kepada anakanda baginda iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memerintah secara adil dan bijaksana. Baginda sentiasa memberi nasihat dan panduan kepada putera sulung baginda itu sehingga baginda mangkat pada 7 September 1986 di Istana Darussalam yang terletak di Kampong Sumbiling dan dimakamkan di Kubah Makam Diraja berhampiran makam permaisuri baginda iaitu Al-Marhumah Paduka Suri Seri Begawan.

Kemangkatan Sultan Omar 'Ali Saifuddien III merupakan kehilangan besar dalam sejarah bangsa dan amat dirasakan oleh seluruh rakyat jelata. Sesungguhnya seluruh rakyat Negara Brunei Darussalam merasa sangat bersyukur kerana memiliki seorang Raja yang telah banyak mengubah kehidupan rakyat sehingga negara mencapai kemerdekaan penuh di samping membawa berbagai perubahan khususnya di dalam sejarah Brunei moden.

### Bibliografi

*Annual Report on Brunei for the year 1950.*

*Annual Report 1953.*

*Annual Report 1960.*

Jatswan S. Sidhu, *Sejarah Sosioekonomi Brunei 1906-1959*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995.

Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Survival Brunei dari Perspektif Sejarah*, Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan, 1997.

Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Liku-liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam*, Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan, 1992.

Sabihah Osman, Muhamad Hadi Abdullah, Sabullah Haji Hakip, *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995.